



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 43

Bil. 9

27 April 2000

TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN

K. P.U. 2.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
(Akta 333)

PERINTAH KENDERAAN-KENDERAAN BERAT
(SEKATAN PENGGUNAAN JALAN) MAJLIS DAERAH KULIM 1997

SUSUNAN PERINTAH

Perintah

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kenderaan berat dilarang.
4. Andaian.
5. Pengecualian.
6. Penghalangan dan pengalihan.
7. Majlis boleh menahan kenderaan berat dari bergerak.
8. Kompaun..
9. Pengeluaran tawaran kompaun.
10. Penalti.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
(Akta 333)

PERINTAH KENDERAAN-KENDERAAN BERAT (SEKATAN PENGGUNAAN JALAN)
MAJLIS DAERAH KULIM 1997

Akta 333.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan, 1987 maka Majlis Daerah Kulim, sebagai pihak berkuasa berkaitan dengan mana-mana jalan selain dari jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Majlis Daerah Kulim, setelah berunding dengan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan, dengan ini membuat perintah berikut:

*Nama pemakaian
dan mula ber-
kuatkuasa.*

1. (1) Perintah ini dinamakan Perintah Kenderaan-Kenderaan Berat (Sekatan Penggunaan Jalan) Majlis Daerah Kulim 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa dari tarikh ianya disiarkan dalam Warta.

(2) Perintah ini terpakai untuk kesemua kawasan di dalam kawasan Majlis Daerah Kulim sahaja seperti mana yang diisyiharkan di dalam Jadual Kedua dan mana-mana kawasan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebagai taman perumahan pada masa hadapan.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kenderaan” mempunyai makna seperti mana diperuntukkan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987;

“kenderaan-kenderaan berat” ertiinya kenderaan-kenderaan seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Perintah ini;

“kenderaan kemudahan awam” ertiinya pengangkutan awam dalam kawasan Majlis, bas sekolah dan kenderaan perkhidmatan utiliti;

“Majlis” ertiinya Majlis Daerah Kulim;

“Yang Dipertua” ertiinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim.

*Kenderaan berat
dilarang.*

3. Kenderaan-kenderaan berat adalah dilarang dari dipandu atau digunakan di atas bahu jalan, jalan atau di mana-mana bahagian jalan di dalam taman-taman perumahan dalam kawasan Majlis seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim.

Andalan.

4. Untuk maksud Perintah ini, kenderaan-kenderaan berat yang diletakkan di atas bahu jalan, jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dilarang adalah dianggap telah dipandu atau digunakan di atas jalan-jalan tersebut.

Penggunaan.

5. Perintah ini tidak terpakai kepada kenderaan kepunyaan Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan Berkanun dan kenderaan kemudahan awam.

6. (1) Tiada sesiapa pun boleh atau menyebabkan supaya dihalang mana-mana bahu jalan, jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dilarang seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua.

Penghalangan dan pengalihan.

(2) Tertakluk kepada seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987, jika mana-mana kenderaan berat didapati menghalang mana-mana bahu jalan, jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dilarang seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua, Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Majlis Daerah Kulim atau mana-mana pegawai polis boleh mengarahkan kenderaan itu dialih dan disimpan dalam jagaan Majlis Daerah Kulim sehingga dilepaskan dengan perintah Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua.

Dengan syarat bahawa Majlis Daerah Kulim hendaklah memberi notis bertulis dengan seberapa segera yang munasabah kepada pemunya kenderaan berat itu, jika mana-mana alamat pemunya itu diketahui mengenai pengalihan dan jagaan kenderaan berat itu.

(3) Kenderaan berat itu boleh terus berada dalam jagaan selamat Majlis sehingga apa-apa kos atau belanja yang ditanggung oleh Majlis Daerah Kulim akibat pengalihan itu telah dibayar kepada Majlis Daerah Kulim.

(4) Majlis tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerrosikan yang berlaku kepada mana-mana kenderaan berat itu dalam masa pengalihan dan semasa di dalam jagaan Majlis.

7. (1) Apabila sesebuah kenderaan berat diletak dengan melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini maka Yang Dipertua atau sesiapa yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Majlis Daerah Kulim bolehlah menahan kenderaan berat itu daripada bergerak dengan merantai dan menguncinya dengan menggunakan sesuatu alat yang disikirkan patut oleh Majlis Daerah Kulim, dan tidaklah boleh sesiapa pun mengalih kenderaan berat itu atau mengganggu rantai dan kunci itu. Atas permintaan dan dengan syarat tuan punya atau orang yang menjaga kenderaan berat itu membayar kepada Majlis Daerah Kulim sesuatu bayaran yang tidak lebih daripada tiga ratus ringgit, Majlis Daerah Kulim boleh menanggalkan rantai dan kunci itu dan melepaskan kenderaan berat tersebut.

Majlis boleh menahan kenderaan berat dari bergerak.

(2) Majlis Daerah Kulim tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerrosikan yang berlaku atas kenderaan berat dalam masa dan ketika dirantai dan dikunci.

8. Tertakluk kepada Peruntukan di bawah seksyen 120 Akta, Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Perintah ini dengan kompaun tidak melebihi tiga ratus ringgit.

Kompaun.

9. Tawaran kompaun bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikeluarkan oleh pegawai penguatkuasa atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

Pengeluaran tawaran kompaun.

Penalti.

10. Tertakluk kepada Peruntukan di bawah seksyen 53 Akta dan Perintah 5 di atas, sesiapa yang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang didapati melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan yang bolch dihukum di bawah seksyen 70 (4) Akta dan sekiranya disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

JADUAL PERTAMA

1. Kenderaan tangki pengangkut minyak atau air atau getah cair.
2. Lori balak.
3. Jentera pembajak (traktor).
4. Treler.
5. Jengkaut pengalih tanah.
6. Jentera menuai padi.
7. Jentolak (bulldozer).
8. Sebarang kenderaan yang berat muatan maksima (yang dibenarkan) melebihi 5 tan.

JADUAL KEDUA

1. Taman Aman.
2. Taman Angsana.
3. Taman Anggerik.
4. Taman Badlishah.
5. Taman Berkat.
6. Taman Bendi Indah.
7. Taman Bunga Tanjung.
8. Taman Bunga Raya.
9. Taman Bunga Mawar.
10. Taman Berlian.
11. Taman Beringin.
12. Taman Beringin I.
13. Taman Bayam.
14. Taman Bayan.
15. Taman Berjaya.
16. Taman Bersatu.
17. Taman Bendi.
18. Taman Bukit Awii.

-
- 19. Taman Cendana.
 - 20. Taman Cendana II.
 - 21. Taman Cempakasari.
 - 22. Taman Cenderawasih.
 - 23. Taman Cengal Indah.
 - 24. Taman Cengal III.
 - 25. Taman Cekur Manis.
 - 26. Taman Cengal.
 - 27. Taman Camar.
 - 28. Taman Desa Impian.
 - 29. Taman Desa Melati.
 - 30. Taman Desa Sentosa.
 - 31. Taman Desa Permai.
 - 32. Taman Damai Fasa I.
 - 33. Taman Damai Fasa IA.
 - 34. Taman Damai Fasa II.
 - 35. Taman Damai Fasa III.
 - 36. Taman Damai Fasa IV.
 - 37. Taman Dahlia.
 - 38. Taman Emas.
 - 39. Taman Gangsa.
 - 40. Taman Harmoni.
 - 41. Taman Haruan.
 - 42. Taman Industri Waja II.
 - 43. Taman Industri Saujana.
 - 44. Taman Ihsan.
 - 45. Taman Ihsan III.
 - 46. Taman Jelutong.
 - 47. Taman Jati.
 - 48. Taman Jaya.
 - 49. Taman Junjung Jaya.
 - 50. Taman Kangkong.
 - 51. Taman Keranji.
 - 52. Taman Keranji II.
 - 53. Taman Keladi.
 - 54. Taman Kemuning II.
 - 55. Taman Kemunting.
 - 56. Taman Kemuning.
 - 57. Taman Kucai.
 - 58. Taman Kenari.

-
- 59. Taman Kenari II.
 - 60. Taman Kenari III.
 - 61. Kota Kenari.
 - 62. Taman Kenyalang.
 - 63. Taman Kejora.
 - 64. Taman Kelian.
 - 65. Taman Kekwa.
 - 66. Taman Kobis.
 - 67. Taman Kempas Indah.
 - 68. Taman Kempas Indah I.
 - 69. Taman Kempas Indah II.
 - 70. Taman Kenangan.
 - 71. Taman Kenangan Fasa II.
 - 72. Taman Kijang.
 - 73. Taman Kulim.
 - 74. Taman Kulim Baru.
 - 75. Taman Kempas.
 - 76. Kawasan Perusahaan Paya Serdang.
 - 77. Lembah Intan.
 - 78. Taman Lobak.
 - 79. Taman Lobak Indah.
 - 80. Taman Lobak III.
 - 81. Taman Merpati.
 - 82. Taman Makmur.
 - 83. Taman Maktab.
 - 84. Taman Murni Indah.
 - 85. Taman Meranti.
 - 86. Taman Muhibbah.
 - 87. Taman Melor.
 - 88. Taman Melor Indah.
 - 89. Taman Merak.
 - 90. Taman Melati.
 - 91. Taman Manggis.
 - 92. Taman Mewah.
 - 93. Taman Manggis II.
 - 94. Taman Mewah III.
 - 95. Taman Mutiara.
 - 96. Taman Melawis.
 - 97. Taman Nenas.
 - 98. Taman Nuri.

-
- 99. Taman Nenas II.
 - 100. Taman Nenas Indah.
 - 101. Taman Orkid.
 - 102. Taman Pudina.
 - 103. Taman Pelangi.
 - 104. Taman Pegaga.
 - 105. Taman Perak.
 - 106. Taman Pondok Labu.
 - 107. Taman Pandan Indah.
 - 108. Taman Penaga Indah.
 - 109. Pusat Perniagaan Putra.
 - 110. Taman Rambai.
 - 111. Taman Rambai II.
 - 112. Taman Ria.
 - 113. Taman Rusa.
 - 114. Taman Selasih.
 - 115. Taman Selasih IV.
 - 116. Taman Selasih V.
 - 117. Taman Semarak.
 - 118. Taman Seroja.
 - 119. Taman Seroja Indah.
 - 120. Taman Seri Pinang.
 - 121. Taman Seri Limau.
 - 122. Taman Seri Kobis.
 - 123. Taman Senangin.
 - 124. Taman Sejahtera.
 - 125. Taman Serai.
 - 126. Taman Sena.
 - 127. Taman Sungai Dingin.
 - 128. Taman Sungai Kob.
 - 129. Taman Seraya Indah.
 - 130. Taman Seraya Indah II.
 - 131. Taman Serindit.
 - 132. Taman Seri Penaga.
 - 133. Taman Seri Kenanga.
 - 134. Taman Seri Tanjung.
 - 135. Taman Saga.
 - 136. Taman Sago.
 - 137. Taman Sepilai.
 - 138. Taman Sulaiman.

-
- 139. Taman Sawi II.
 - 140. Taman Seri Abadi.
 - 141. Taman Seri Sentosa.
 - 142. Taman Seluang.
 - 143. Taman Sang Kancil.
 - 144. Taman Suasa.
 - 145. Taman Seri Kulim.
 - 146. Taman Salad.
 - 147. Taman Tiong.
 - 148. Taman Tiong II.
 - 149. Taman Tiong III.
 - 150. Taman Tiram.
 - 151. Taman Teratai.
 - 152. Taman Teratai Indah.
 - 153. Taman Tunku Putra.
 - 154. Taman Waja.

Bertarikh pada 26 Mac 1997.
[Bil: MDK. 900 Jld. 5.]

AHMAD FISOL BIN MD. NOR,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kulim

Diluluskan pada 1 Mac 2000.
[PSU(K) 88/1370 Jld. 4 SK. 20.]

HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman